

Anak-Anak Syarikat UUM Diberi KPI Baru

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 14 Julai 2011 12:44

Kepada: UUM All Students; UUM - All Staff

14 JULAI 2011/12 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Azahar Kasim

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

ANAK-ANAK SYARIKAT UUM DIBERI KPI BARU

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak mahu anak-anak syarikat Universiti Utara Malaysia (UUM) mempertingkatkan peratusan pendapatan sehingga 30 peratus bagi menyumbang hasil kepada bajet universiti menjelang 2015 sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang baru.

Beliau berkata, pencapaian itu mesti dilakukan dalam tempoh tiga tahun dari sekarang bagi membolehkan universiti menerima dividen sebanyak RM90 juta iaitu 30 peratus daripada bajet berkenaan.

Katanya, KPI ini adalah sasaran baru kepada pihak anak-anak syarikat universiti yang beroperasi sekarang dan mereka diminta untuk menceburi perniagaan baru serta membuka syarikat baru untuk menghasilkan pendapatan seperti yang ditetapkan oleh universiti.

"Pada masa kini, syarikat masih bergantung kepada UUM untuk mengembang perniagaan dan berharap anak-anak syarikat lebih berdaya saing, berinovasi dan kreatif.

"Sudah sampai masa anak-anak syarikat mengambil peluang menambahkan jumlah pegangan hartanah serta terbabit aktif dalam pelbagai jenis perniagaan baru termasuk industri kreatif memandangkan kewujudan universiti ini yang membawa perubahan besar kepada bandar Changlun, Jitra dan Bandar Darulaman," katanya.

Dr Mohamed Mustafa berkata, anak-anak syarikat UUM perlu menceburi lebih banyak perniagaan berasaskan perkhidmatan kepada pelajar termasuk restoran, supermarket, kedai buku, kedai cenderamata, kedai berasaskan teknologi maklumat, kedai telekomunikasi dan prabayar, pengangkutan seperti kereta sewa dan teksi serta kedai minyak.